



Kenderaan **meredah kawasan banjir** yang ditenggelami air di Jalan Alam Jaya menuju ke Puncak Alam.
[FOTO MUHAMMAD SULAIMAN /BH]



Selangor paling teruk dilanda banjir kilat

» Johor, Kedah, Sarawak turut terjejas

Oleh Mohd Roji Kawi, Fahmi Mohd Yusof, Adnan Ibrahim, Asrol Awang, Shaiful Shahrin Ahmad Fauzi dan Azhar Hashim
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Hujan lebat berterusan sehingga mengakibatkan limpahan air dari sungai dan sistem perparitan, dipercayai punca beberapa kawasan di Selangor dan Johor, selain Kedah dan Sarawak dilanda banjir kilat, semalam.

Kawasan paling teruk terjejas di Selangor akibat banjir kilat semalam ialah Shah Alam dan Puncak Alam. Difahamkan, bencana itu selepas laluan air aliran balik dari Sungai Damansara yang menyebabkan kawasan rendah dinaiki air, termasuk Seksyen 13, Seksyen 9, Batu Tiga, Seksyen 20 dan Seksyen U8.

Hujan lebat bermula jam 1 tengah hari itu juga menyebabkan perkhidmatan komuter bagi laluan Pelabuhan Klang juga terhenti beberapa jam selepas Stesen Komuter Batu Tiga dinaiki air. Kawasan lain dinaiki air, termasuk

Jalan Lapangan Terbang Subang, berdepan Stesen Komuter Subang Jaya dan Citta Mall, Petaling Jaya.

200 penduduk terjejas

Bandar Puncak Alam juga dilanda banjir kilat teruk sehingga menyebabkan lebih 200 penduduk terjejas sejak malam kelmarin. Susur masuk Plaza Tol Shah Alam dinaiki air sejak jam 4 petang memaksa laluan itu ditutup dan pengguna diminta menggunakan laluan keluar di Plaza Tol Subang dan Ebor untuk ke Shah Alam.

Tinjauan di Bandar Puncak Alam mendapati ramai penduduk di Fasa 2B3, Sinar Alam, tidak sempat menyelamatkan banyak harta benda, termasuk Rosmawati Mat Som, 46, yang mendakwa hanya sempat menyelamatkan barang penting.

"Kejadian sangat pantas, sekelip mata sahaja air sudah mencapai paras kira-kira 1.3 meter. Tidak sangka dalam tempoh tidak sampai empat bulan, berlaku lagi banjir di sini. Perabot dan barangan lain yang baru diganti, turut musnah," katanya.

Di **Johor Bahru**, hanya dalam



Hujan lebat menyebabkan landasan Stesen Komuter Batu Tiga **ditenggelami air**.

tempoh sejam, bandar raya itu dilanda hujan lebat, beberapa jalan utama ditenggelami air terutama di sekitar pusat bandar, semalam. Paling teruk terjejas, Jalan Wong Ah Fook, dipercayai akibat kerja pembesaran dan penyelenggaraan Sungai Segget yang giat dijalankan.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Sulaiman Salleh, berkata hujan lebat mulai jam 12 tengah hari dan berlarutan sehingga 1.30 petang menyebabkan air naik sehingga 1.5 meter di sekitar Jalan Wong Ah Fook sehingga 20 kereta dilaporkan terperangkap dalam banjir kilat.

Komander Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor Bahru, Khairul Azhar Aziz, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 12.48 memaklumkan tiga mangsa ter-

perangkap dalam tempat letak kenderaan bawah tanah di sebuah bangunan, namun semua berjaya diselamatkan.

100 mangsa dipindahkan

Sementara itu, lebih 100 mangsa dipindahkan ke tiga pusat pemindahan di sekitar daerah ini, iaitu Dewan Batu 60, Dewan RISDA Kampung Tanjung Pari dan Surau Kampung Seri Ketangga, susulan gelombang ketiga banjir akibat limpahan Sungai Ketil, bermula jam 5.30 petang kelmarin.

Di **Kulim** pula, kira-kira 49 keluarga membabitkan 201 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan di TABIKA KEMAS, Kampung Padang Limau Jangkang, Karangan selepas kawasan itu dinaiki air susulan hujan lebat selama lebih dua jam kelmarin akibat limpahan air Sungai Kob dan Sungai Karangan.

Di **Bau**, sembilan rumah penduduk di Kampung Peninjau, dinaiki air kira-kira satu meter akibat limpahan air Sungai Sarawak Kiri, berikutan hujan lebat sejak pagi semalam. Bagaimanapun, sehingga jam 6 petang, lebih 50 penduduk belum dipindahkan kerana paras air menunjukkan penurunan.

Di **Bagan Serai**, semua 44 mangsa banjir membabitkan 11 keluarga dari tiga kampung di sekitar Alor Pongsu dan Bukit Merah, masih ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak sejak Sabtu lalu berikutan cuaca tidak menentu dan banjir masih belum surut.

Di **Bentong**, semua 73 ahli keluarga penghuni kuarters Jabatan Perhutanan yang terjejas akibat banjir lumpur Rabu lalu, sudah dipindahkan dari Masjid Lentang ke kuarters lama semalam.